

Dato' Dr. Mohd Sofi Osman Pengerusi Lembaga Pengarah UMS baharu

NST 6.10.2018 3

KOTA KINABALU: Dato' Dr. Mohd Sofi Osman (gambar) telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UMS baharu berkuat kuasa pada 1 Oktober 2018 sehingga 30 September 2021.

Pelantikan tersebut adalah untuk menggantikan Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi yang tamat tempoh perkhidmatan.

Dr. Mohd Sofi memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan dari University of Strathclyde, Scotland dan berpengalaman luas dalam sektor industri serta aktif dalam perkara berkaitan kerjasama institusi pendidikan-industri. Ketika ini beliau merupakan Pengarah Urusan serta Timbalan Presiden Altera Corporation (M) Sdn. Bhd.

Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah MIMOS Semi Conductor (M) Sdn. Bhd. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP.

Dalam masa yang sama beberapa tokoh juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMS baharu.

Mereka ialah Datuk Haji Hashim Paijan (Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah), Datin Paduka Ir. Siti Hamisah Tapsir (Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM), Datuk Vincent Pung Yee Kiong (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pinjaman Sabah), Datuk Dr. Christina Rundi (Pengarah Kesihatan Negeri Sabah) dan Asgari Mohd Fuad Stephens (In-

telligent Capital Sdn. Bhd.)

Warga UMS merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas pelantikan ini dan yakin bahawa Dr. Mohd Sofi dan ahli-ahli LPU mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kecemerlangan UMS di persada nasional dan antarabangsa.

Sementara itu, warga UMS juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi dan mantan Ahli-ahli Lembaga Pengarah iaitu Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman, Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein bin Datuk Pengiran Hj. Mohd Tahir Nasruddin, Dato' Prof. Dr. Rujhan Mustafa dan Datuk John Maluda atas khidmat bakti mereka bersama UMS.

